

26 JUN 2002

Hadi-Pilihan raya

PAS AKUI TIDAK MUDAH PERTAHAN ANAK BUKIT DAN PENDANG

KUALA TERENGGANU, 26 Jun (Bernama) -- Pemangku Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata parti itu menyedari tidak mudah untuknya mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Anak Bukit dan kawasan Parlimen Pendang pada pilihan raya kecil yang akan diadakan kelak.

Bagaimanapun katanya Barisan Nasional (BN) juga tidak seharusnya menganggap mereka akan mencapai kemenangan mudah sebagaimana pada pilihan raya kecil di Ketari (Pahang) dan Indera Kayangan (Perlis).

"Pilihan raya kecil ini akan menjadi ukuran yang penting bukan sahaja bagi kawasan itu bahkan bagi peringkat nasional.

"Ia (menjadi ukuran) untuk pilihan raya umum yang akan datang dan selepas Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed) meletak jawatan dalam tempoh setahun lebih lagi," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri hari ini.

Kerusi Anak Bukit dan Pendang menjadi kosong ekoran kematian Presiden PAS Datuk Fadzil Noor, pada Ahad lepas. Fadzil memenangi kedua-dua kerusi itu pada pilihan raya umum 1999.

Ketika ditanya mengenai tindakan PAS dalam menghadapi pilihan raya kecil yang belum ditentukan tarikhnya itu, Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu, berkata pilihan raya kecil itu akan menjadi asas penilaian kekuatan PAS dan Umno.

Selain itu, katanya, ia juga memberi peluang kepada pimpinan pelapis Umno untuk menunjukkan kemampuan mereka berikutan proses peralihan kuasa dalam pimpinan BN dan kerajaan sekarang.

Mengenai pemilihan calon PAS, Abdul Hadi berkata soal pencalonan diserahkan kepada Badan Perhubungan PAS Kedah untuk membuat keputusan.

Beliau berkata calon PAS akan dipilih mengikut kriteria ketokohan daripada aspek ilmu, pengaruh dan akhlak dalam Islam seperti yang telah ditetapkan oleh Majlis Syura Ulama PAS.

"Terpulanglah kepada kita hendak memilih calon yang kita lebih yakin untuk mendapatkan kemenangan," katanya.

Beliau berkata cawangan PAS di dua kawasan berkenaan telah memulakan kaji selidik sebagai langkah awal untuk mengumpul data dalam menghadapi pilihan raya kecil itu.

Katanya dalam kempennya nanti PAS akan menggunakan isu nasional terkini yang berkait dengan agama termasuk isu Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) yang akan dibentangkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri Terengganu bulan depan.

-- BERNAMA

MRA NMO